

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KETIGA DEWAN RAKYAT, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN
MOHAMED SAID [KUALA KRAU]**

SOALAN

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik kes penderaan dan gangguan seksual terhadap kanak-kanak di Malaysia. Apakah langkah atau tindakan kepada mereka yang terlibat dengan salah laku berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

DEFINISI

Berdasarkan Kanun Keseksaan, Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 [Akta 792] dan Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611], kesalahan rogol, sumbang mahram, luar tabii, cabul, amang seksual dan penganiayaan seksual adalah merupakan sebahagian daripada jenayah seksual terhadap kanak-kanak.

STATISTIK JENAYAH SEKSUAL YANG MELIBATKAN KANAK-KANAK

Statistik jenayah seksual ke atas kanak-kanak pada tahun **2018** yang direkodkan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) adalah sebanyak 2,008 kes, mengikut pecahan seperti berikut:

- (i) Kesalahan rogol : 1,028 kes;
- (ii) Sumbang mahram: 227 kes;
- (iii) Luar Tabii: 122 kes;
- (iv) Cabul: 0 kes; dan
- (v) Kesalahan di bawah Akta 792: 631 kes.

Manakala statistik jenayah seksual ke atas kanak-kanak pada tahun **2017** yang direkodkan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) adalah sebanyak 2,368 kes, mengikut pecahan seperti berikut:

- (i) Kesalahan rogol : 1,257 kes;
- (ii) Sumbang mahram: 253 kes;
- (iii) Luar Tabii: 234 kes;
- (iv) Cabul: 353 kes; dan
- (v) Kesalahan di bawah Akta 792: 271 kes.

Statistik jenayah seksual ke atas kanak-kanak pada tahun **2016** yang direkodkan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) adalah sebanyak 2,431 kes, mengikut pecahan seperti berikut:

- (i) Kesalahan rogol : 1,350 kes;
- (ii) Sumbang mahram: 202 kes;
- (iii) Luar Tabii: 219 kes; dan
- (iv) Cabul: 660 kes.

TINDAKAN TERHADAP PESALAH JENAYAH SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK

Tindakan-tindakan yang boleh diambil ke atas pelaku yang disabitkan kesalahan jenayah seksual terhadap kanak-kanak di bawah Kanun Keseksaan adalah seperti berikut:

- (i) **Kesalahan rogol:** Hukuman penjara maksimum 20 tahun dan hendaklah juga dihukum dengan hukuman sebat;
- (ii) **Kesalahan rogol terhadap kanak-kanak di bawah umur 16 tahun dan tanpa kerelaan, atau dengan atau tanpa kerelaan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun:** Hukuman penjara minimum 10 tahun, maksimum 30 tahun dan hendaklah juga dihukum dengan hukuman sebat;
- (iii) **Sumbang mahram:** Hukuman penjara minimum 10 tahun, maksimum 30 tahun dan hendaklah juga dihukum dengan hukuman sebat;
- (iv) **Liwat:** Hukuman penjara maksimum 20 tahun dan hendaklah juga dihukum dengan hukuman sebat; dan
- (v) **Cabul:** Hukuman penjara maksimum 10 tahun atau denda atau sebat atau mana-mana dua daripada hukuman tersebut.

Manakala tindakan yang boleh diambil ke atas pelaku yang disabitkan di bawah Akta 792 adalah seperti berikut:

- (i) **Pornografi kanak-kanak:** Hukuman penjara maksimum 30 tahun dan hendaklah juga dihukum dengan hukuman sebat;
- (ii) **Berkomunikasi secara seksual dengan kanak-kanak:** dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun;
- (iii) **Pengantunan kanak-kanak:** Hukuman penjara maksimum 5 tahun dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat;

- (iv) **Perjumpaan selepas pengantunan:** Hukuman penjara maksimum 10 tahun dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat;
- (v) **Amang seksual fizikal:** Hukuman maksimum penjara 20 tahun dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat; dan
- (vi) **Amang seksual bukan fizikal:** Hukuman penjara maksimum 10 tahun atau didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

Bagi pelaku yang disabitkan kesalahan menganiyai daripada segi seks kanak-kanak di bawah Akta 611, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Penalti-penalti ini menghantar mesej yang jelas kepada rakyat bahawa sebarang kesalahan seksual terhadap kanak-kanak tidak boleh dimaafkan sama sekali. Dengan adanya peruntukan perundangan bagi hukuman-hukuman yang berat ini, diharapkan jenayah seksual terhadap kanak-kanak tidak berlaku.